

17 MAY 1999
DR MAHATHIR-BON
MINAT KUKUH UNTUK LANGANI BON-BON M'SIA

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa banyak negara telah menyatakan minat untuk melangani terbitan bon kedaulatan Malaysia.

Di samping Singapura, yang telah menyatakan hasratnya, katanya Jepun juga telah menyatakan sentimen yang serupa untuk melangani bon-bon AS\$2 bilion itu.

"Banyak negara telah menyatakan minat untuk melangani bon kedaulatan kita," beliau memberitahu pemberita selepas menyampaikan ucapan utama pada Persidangan Pelabuhan-pelabuhan Dunia ke-21 Persatuan Pelabuhan-pelabuhan Antarabangsa di sini.

Kementerian kewangan berkata baru-baru ini bahawa Malaysia telah mengemukakan satu kenyataan cadangan pendaftaran dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Amerika Syarikat di bawah Jadual B Akta Sekuriti AS 1993 bagi terbitan sehingga AS\$3.0 bilion dalam sekuriti hutang, yang mana sehingga AS\$2 bilion akan diterbitkan sebagai permulaan.

Kementerian itu berkata bon-bon global akan ditawarkan kepada pelabur-pelabur di Asia, Eropah dan Amerika Syarikat.

Adalah juga diumumkan perlantikan Salomon Smith Barney sebagai pengurus utama bagi tawaran bon global itu.

Malaysia akan menghantar tiga buah pasukan untuk mempromosikan bon-bon itu di seberang laut. Pasukan pertama akan diketuai oleh Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, yang kedua Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed dan ketiga oleh pegawai-pegawai terkanan Bank Negara Malaysia. -- BERNAMA

AA SHY OS